SABRI HASAN lwn. GHORI MOHAMMED ABD MAJEED MUSTAFFA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
SAMSUDIN HASSAN H
[GUAMAN SIVIL NO: 22NCVC-29-02-2015]
22 DISEMBER 2017

PEWARISAN: *Harta pusaka – Wasiat terakhir si mati – Geran probet dikeluarkan untuk harta pusaka si mati kepada defendan sebagai wasi tunggal berdasarkan wasiat terakhir si mati – Defendan tiada pertalian persaudaraan dengan si mati – Plaintif sebagai abang seibu bapa kepada si mati membuat bantahan – Sama ada geran probet harus diketepikan dan diiktiraf tidak sah dan tidak berkuasa – Sama ada pembahagian harta pusaka si mati tidak mengikut Hukum Faraid dan melanggar undang-undang Islam – Sama ada wasiat si mati sah – Sama ada terdapat perbuatan pemalsuan dan penipuan oleh defendan*

PEWARISAN: *Harta pusaka – Pembahagian – Undang-undang Islam – Wasiat – Tahap berwasiat – Sama ada terhad kepada 1/3 bahagian pusaka – Wasiat atas keseluruhan pusaka – Sama ada sah – Sama ada pembahagian harta pusaka si mati tidak mengikut Hukum Faraid dan melanggar undang-undang Islam – Sama ada wasiat si mati sah*

PEWARISAN: *Harta pusaka – Wasiat terakhir si mati – Geran probet dikeluarkan untuk harta pusaka si mati kepada defendan sebagai wasi tunggal berdasarkan wasiat terakhir si mati – Defendan tiada pertalian persaudaraan dengan si mati – Plaintif sebagai abang seibu bapa kepada si mati membuat bantahan – Sama ada geran probet harus diketepikan dan diiktiraf tidak sah dan tidak berkuasa – Sama ada wasiat si mati sah – Sama ada terdapat pinjaman yang diberikan defendan kepada plaintif – Tiada dokumen dikemukakan untuk membuktikan kewujudan pinjaman – Sama ada tuntutan balas defendan tiada asas kausa tindakan terhadap plaintif – Sama ada satu penyalahgunaan proses mahkamah*

Plaintif adalah abang kepada si mati yang telah meninggal dunia di Jerman. Si mati merupakan pemilik berdaftar sebuah hartanah yang dipegang bawah Geran Mukim No: 3473 ('hartanah tersebut'). Melalui geran probet bertarikh 30 April 2014 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, geran probet telah dikeluarkan untuk harta pusaka si mati tersebut kepada defendan sebagai wasi tunggal berdasarkan wasiat terakhir si mati ('wasiat si mati tersebut'). Menurut plaintif, defendan tidak mempunyai pertalian persaudaraan dengan si mati. Plaintif menghujahkan (i) wasiat si mati tersebut dan pelantikan defendan sebagai wasi tunggal harta pusaka si mati tersebut serta pembahagian harta pusaka si mati tersebut adalah tidak sah dan melanggar undang-undang Islam; (ii) pembahagian harta pusaka si mati tersebut sepatutnya mengikut Hukum Faraid dan pemberian wasiat seorang Islam hanya boleh diberi dengan kadar tidak melebihi 1/3 bahagian

sahaja; (iii) didapati si mati tersebut telah memberi hartanah tersebut keseluruhannya kepada defendan sebagai hadiah dan bukannya 1/3 bahagian seperti yang diizinkan bawah Hukum Faraid. Maka plaintif menegaskan wasiat tersebut adalah jelas melanggar Hukum Faraid kerana peruntukan yang diberikan kepada defendan adalah melebihi 1/3 bahagian. Plaintif menghujahkan oleh sebab wasiat tersebut tidak sah, maka pindah milik hartanah tersebut kepada defendan berdasarkan wasiat tersebut adalah tidak sah dan defendan tidak mempunyai kepentingan yang tidak boleh disangkal terhadap hartanah tersebut. Plaintif mengambil tindakan ini (kandungan 1 dan 2) untuk memohon perintah-perintah, antara lain (i) geran probet diketepikan dan diiktiraf tidak sah dan tidak berkuasa; (ii) pelantikan defendan sebagai wasi tunggal harta pusaka si mati tersebut diketepikan; (iii) pembahagian harta pusaka si mati tersebut dirujuk semula ke Mahkamah Syariah untuk dilupuskan berdasarkan Hukum Faraid dan (iv) pindah milik hartanah ke nama defendan dibatalkan. Defendan pula mendakwa geran probet yang dikeluarkan dan pindah milik hartanah tersebut kepada defendan berdasarkan wasiat tersebut adalah sah. Sebagai alternatif, defendan menuntut daripada plaintif sejumlah wang RM485,000 yang merupakan pinjaman diambil oleh si mati tersebut daripada seorang bernama Uwe Jaeckel kononnya dibayar oleh defendan. Isu-isu yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah adalah (i) sama ada defendan adalah waris yang sah kepada si mati; (ii) sama ada wasiat si mati adalah sah dari segi undang-undang hukum Islam; dan (iii) sama ada defendan telah mendapatkan fakta-fakta yang benar dalam permohonannya untuk mendapatkan geran probet.

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif; menolak tuntutan balas defendan):

(1) Plaintif adalah abang seibu sebapa kepada si mati dan defendan pula tidak mempunyai pertalian persaudaraan dengan si mati. Plaintif meragui wasiat si mati tersebut sebenarnya ditandatangani oleh si mati kerana sepanjang masa si mati tersebut bermastautin di Jerman adalah dinyatakan oleh plaintif dan ahli keluarganya bahawa mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan langsung tentang kehadiran si mati tersebut di Malaysia pada masa menulis wasiat tersebut. Plaintif telah berjaya membuktikan atas kebarangkalian munasabah defendan bukanlah waris yang sah kepada si mati. (perenggan 21 & 22)

(2) Si mati telah cuba melupuskan semua bahagian satu-satunya harta yang dia ada bertentangan dengan kuasa pelupusan tidak melebihi sepertiga daripada jumlah keseluruhan harta peninggalannya. Si mati gagal mendapat persetujuan semua waris yang berhak semasa wasiat dibuat. Oleh itu, wasiat si mati tidak sah dari segi undang-undang Hukum Islam. (perenggan 26)

(3) Mengikut undang-undang, nyata apabila sesuatu harta dipindahkan, pengemukaan sijil kematian berserta dengan geran probet adalah satu kemestian. Namun dalam hal ini, defendan gagal mengemukakan sijil kematian si mati yang merupakan dokumen utama. Defendan juga dengan sengaja menzahirkan bahawa si mati tidak mempunyai sesiapa sebagai waris dan ini jelas membuktikan pembohongan yang nyata. Permohonan mendapatkan probet ini adalah satu salah arah dan tersalah dikemukakan. (perenggan 28)

(4) Saksi bagi pihak defendan, DW2, iaitu adik beradik kepada defendan, mendakwa wasiat berkenaan disediakan oleh si mati yang berhutang wang kepada defendan dan atas alasan tersebutlah si mati memberi hartanah tersebut kepada defendan. Malangnya perkara sebegini tidak pernah dinyatakan dalam wasiat berkenaan. Defendan pula menyatakan sebaliknya bahawa si mati berhutang kepada warganegara Jerman Uwe Jaeckel. Terdapatnya dua versi yang berbeza kandungan wasiat tersebut, maka undang-undang langsung memperuntukkan beban pembuktian haruslah berpindah kepada defendan untuk membuktikan kesahihan wasiat tersebut, tetapi defendan gagal berbuat demikian. (perenggan 28)

(5) Menurut Hukum Syarak, apabila si mati meninggalkan waris, maka orang luar tidak mempunyai apa-apa hak atas harta pusaka si mati. Pemalsuan dan penipuan di sini harus dipertanggung kepada defendan. Adalah jelas defendan sebagai pemohon mendapatkan geran probet di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur sengaja melakukan penipuan semata-mata untuk mengetepikan hak plaintif dan mendapatkan pembahagian yang lebih daripada haknya. Surat wasiat yang kononnya dibuat oleh si mati membahagikan kesemua harta peninggalannya kepada defendan adalah tidak sah di sisi undang-undang. Terdapat perbuatan penipuan oleh defendan. Plaintif berhak memohon pengisytiharan dan perintah sepertimana di kandungan 1 dan 2 dalam tindakan plaintif berkait kes ini. (perenggan 29-32)

(6) Defendan tidak mengemukakan setitik bukti pun untuk mengetengahkan kesnya. Tiada pinjaman diberikan oleh defendan kepada plaintif. Pinjaman tersebut kononnya antara si mati dan Uwe Jaeckel, oleh itu tiada priviti kontrak antara defendan dan plaintif serta juga defendan dan Uwe Jaeckel. Defendan tidak mengemukakan apa-apa dokumen untuk membuktikan fakta ataupun saksi-saksi dipanggil untuk membuktikan kewujudan pinjaman tersebut. Tuntutan defendan ini adalah semata-mata dakwaan kosong. Oleh itu, tuntutan balas defendan ini tiada asas kausa tindakan terhadap plaintif dan jelas satu penyalahgunaan proses mahkamah. (perenggan 34 & 35)

A **Kes-kes yang dirujuk:**
Ahmad Abd Majeed lwn. Habibah Abdul Majid & Satu Lagi [2007] 4 CLJ 355 CA ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of Court 2012, O. 18 r. 19

B *Bagi pihak plaintif - NP Ramachandran; T/n NP Ramachandran & Assocs*
Bagi pihak responden - Abdul Malik & Ku Abdul Rahman; T/n Mirzawati & Assocs

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

C **Samsudin Hassan H:**

Pendahuluan

[1] Pada 17 September 2005 Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan (si mati) telah membuat surat wasiat terakhir
D menghadiahkan hartanah beliau yang dikenali sebagai Geran Mukim No: 3473, Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan, bersama sebuah premis bangunan dua tingkat yang didirikan di dalam hartanah tersebut ('hartanah si mati tersebut').

[2] Atas permohonan defendan setelah kematian si mati, maka Mahkamah
E Tinggi Kuala Lumpur pada 30 April 2014 melalui Petisyen No: 32NcVC-417-04-2014 telah melantik defendan sebagai pentadbir ke atas 'hartanah si mati tersebut'.

[3] 'Hartanah si mati tersebut' telah didaftarkan secara teratur dan
F sempurna atas nama defendan sebagai tuan punya berdaftar.

[4] Plaintif sebagai abang kandung si mati atas alasan bahawa wasiat terakhir dan perlantikan defendan sebagai wasi tunggal 'hartanah si mati tersebut', maka telah mengambil tindakan ini (kandungan 1 dan 2) untuk memohon perintah-perintah seperti disenaraikan di bawah berikut:

G (i) Geran probet bertarikh 30 April 2014 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui Saman Pemula No: 32NcVC-417-04-2014 untuk harta pusaka Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan (si mati) diketepikan dan diiktiraf tidak sah dan tidak berkuasa.

H (ii) Perlantikan defendan sebagai wasi tunggal harta pusaka si mati tersebut diketepikan.

(iii) Pembahagian harta pusaka si mati tersebut dirujuk semula ke Mahkamah Syariah untuk dilupuskan berdasarkan Hukum Faraid.

(iv) Pindah milik hartanah yang dipegang di bawah Geran Mukim No: 3473,
I Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan ke nama defendan iaitu Ghori Mohammed bin Abd Majeed Mustaffa dibatalkan dan hartanah tersebut diletak hak di atas nama si mati tersebut.

[5] Sementara itu defendan memfailkan notis permohonan bertarikh 15 Julai 2015 (lampiran 9) untuk mendapatkan perintah mahkamah ini membatalkan tuntutan plaintif (lampiran 1 dan 2) di atas tersebut terhadap defendan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Setelah mendengar penghujahan daripada kedua-dua pihak, maka mahkamah ini memutuskan permohonan oleh defendan di bawah A. 18 tersebut ditolak dengan kos dan mengarahkan lampiran 1 dan 2 dibicarakan.

[6] Pada 1 November 2016 mahkamah ini memutuskan semua tuntutan plaintif sepertimana di perenggan 12(i) hingga (iv) dalam lampiran 1 dan 2 dibenarkan.

[7] Oleh itu defendan merayu ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

Fakta Ringkas Kes

[8] Plaintif adalah abang kepada Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati') yang telah meninggal dunia pada 14 Mei 2007 pada pukul lebih kurang 12.15 tengah hari di Haroldsbach, Gemarkung Oesdorf, Germany.

[9] Si mati tersebut merupakan pemilik berdaftar hartanah yang dipegang di bawah Geran Mukim No: 3473, Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak (hartanah tersebut). Hartanah tersebut adalah satu-satunya aset tunggal harta pusaka si mati tersebut.

[10] Melalui geran probet bertarikh 30 April 2014 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui Saman Pemula No: 32NcVC-417-04-2014, geran probet telah dikeluarkan untuk harta pusaka 'si mati' tersebut kepada defendan sebagai wasi tunggal berdasarkan wasiat terakhir si mati tersebut bertarikh 17 September 2005 ('wasiat si mati tersebut').

[11] Plaintif adalah abang seibu-sebapa kepada si mati tersebut yang masih hidup manakala defendan tidak mempunyai sebarang pertalian persaudaraan dengan si mati tersebut. Si mati tersebut juga tidak pernah berkahwin.

[12] Plaintif juga sangsi sama ada wasiat tersebut sebenarnya ditandatangani oleh si mati tersebut kerana pada sepanjang masa beliau bermastautin di Germany didapati kehadirannya di Malaysia pada masa menulis wasiat tersebut tidak langsung ada dalam pengetahuan plaintif serta keluarganya.

Versi Plaintif

[13] Plaintif menuntut bahawa wasiat si mati tersebut dan perlantikan defendan sebagai wasi tunggal harta pusaka si mati tersebut serta pembahagian harta pusaka si mati tersebut adalah tidak sah dan melanggar undang-undang Islam.

[14] Plaintif menyatakan pembahagian harta pusaka si mati tersebut sepatutnya mengikut Hukum Faraid dan pemberian wasiat seorang Islam hanya boleh diberi dengan kadar tidak melebihi 1/3 bahagian sahaja. Wasiat yang melebihi 1/3 bahagian adalah tidak berkuat kuasa kecuali dengan mendapat persetujuan ahli waris yang lain atau kadar tersebut mesti dikurangkan sehingga sekadar 1/3 bahagian sahaja.

[15] Di dalam wasiat si mati tersebut didapati si mati tersebut telah memberi hartanah tersebut keseluruhannya kepada defendan sebagai hadiah dan bukannya 1/3 bahagian sepertimana yang diizinkan di bawah Hukum Faraid. Maka plaintif menegaskan wasiat tersebut adalah jelas melanggar Hukum Faraid kerana peruntukan yang diberikan kepada defendan adalah melebihi 1/3 bahagian.

[16] Oleh sebab wasiat tersebut adalah tidak sah, maka pindah milik hartanah tersebut kepada defendan berdasarkan wasiat tersebut adalah tidak sah dan defendan tidak mempunyai kepentingan yang tidak boleh disangkal terhadap hartanah tersebut.

Versi Defendan

[17] Defendan mendakwa 'geran probet' yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 30 April 2014 melalui Petisyen No: 32NcVC-417-04-2014 dan pindah milik hartanah tersebut kepada defendan berdasarkan wasiat tersebut adalah sah.

[18] Namun begitu sebagai alternatif sekiranya geran probet yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 30 April 2014 melalui Petisyen No: 32NcVC-417-04-2014 diisytiharkan oleh mahkamah ini tidak sah, maka defendan menuntut daripada plaintif sejumlah wang RM485,000 yang merupakan pinjaman diambil oleh si mati tersebut daripada Uwe Jaeckel kononnya dibayar oleh defendan.

Isu Pertikaian

[19] Isu-isu utama yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah dalam mencapai keputusan ialah seperti berikut:

(i) Sama ada defendan adalah waris yang sah kepada Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati');

(ii) Sama ada wasiat oleh Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati') adalah sah dari segi undang-undang Hukum Islam;

(iii) Sama ada defendan telah mendapatkan fakta-fakta yang benar dalam permohonan beliau untuk mendapatkan geran probet.

Dapatan Mahkamah

[20] Dapatan mahkamah bagi ketiga-tiga isu di atas tersebut adalah seperti berikut.

Isu Pertama: Sama Ada Defendan Adalah Waris Yang Sah Kepada Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('Si mati')

[21] Sabri bin Hasan (plaintif) adalah satu-satunya saksi yang menegaskan di dalam pernyataan tuntutannya bahawasanya:

(a) Plaintif merupakan abang kepada Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati').

(b) Hartanah di Geran Mukim No: 3473, Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan bersama sebuah premis bangunan dua tingkat yang didirikan di dalam hartanah tersebut adalah aset tunggal kepunyaan Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati').

(c) Plaintif adalah abang seibu-sebapa kepada si mati tersebut yang masih hidup dan ini diakui sendiri oleh pihak pembelaan. Defendan pula tidak mempunyai sebarang pertalian persaudaraan dengan Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati').

(d) Plaintif meragui wasiat si mati tersebut sebenarnya ditandatangani oleh Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati') kerana sepanjang masa si mati tersebut bermastautin di Germany adalah dinyatakan oleh plaintif dan ahli keluarganya bahawa mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan langsung berkenaan kehadiran si mati tersebut di Malaysia pada masa menulis wasiat tersebut.

(e) Setelah kematian Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati'), maka Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 30 April 2014 melalui Petisyen No: 32NcVC-417-04-2014 telah melantik defendan sebagai pentadbir ke atas hartanah si mati tersebut. Kemudiannya hartanah tersebut itu pula telah didaftarkan secara teratur dan sempurna atas nama defendan sebagai tuan punya berdaftar tanpa pengetahuan plaintif.

[22] Berdasarkan fakta-fakta di atas tersebut, maka mahkamah ini merumuskan bahawa plaintif telah berjaya membuktikan atas kebarangkalian munasabah defendan bukanlah waris yang sah kepada Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati').

[23] Defendan gagal mengakas kenyataan di atas dan malah tidak ada satu dokumen pun dikemukakan oleh mereka untuk membuktikan sebaliknya. Memburukkan lagi keadaan saksi mereka Ghori Mohammed (DWS1) dan

A Hussein (DWS2) adalah merupakan adik-beradik dan dalam keadaan sedemikian maka wajarlah dianggap bersubahat serta segala keterangan diberikan dikehendaki diselidiki dengan berhati-hati.

Isu Kedua: Sama Ada Wasiat Oleh Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('Si mati') Adalah Sah Dari Segi Undang-undang Hukum Islam

B

[24] Dalam hal ini mahkamah ingin merujuk terlebih dahulu kepada satu keputusan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Ahmad Abd Majeed lwn. Habibah Abdul Majid & Satu Lagi* [2007] 4 CLJ 355 dan petikannya adalah seperti berikut:

C Di ms. 357 perenggan A(3):

> Pihak Defendan tidak menghujahkan bahawa surat wasiat yang dibuat oleh si mati itu sah atau tidak. Oleh itu, defendan mengakui hakikat bahawa dokumen tersebut bukanlah surat wasiat si mati. Apa pun, menurut hukum syarak, sesuatu wasiat hanya boleh
> D mengagihkan harta peninggalan tidak melebihi sepertiga daripada jumlah keseluruhan harta peninggalan si mati kecuali jika mendapat persetujuan semua waris yang berhak semasa wasiat dibat.

seterusnya di ms. 363 perenggan 11:

> E Plaintif juga membangkitkan isu pembahagian harta di dalam surat wasiat mengikut hukum syarak. Mengikut hukum syarak, sesuatu wasiat itu hanya boleh mengagihkan harta peninggalannya tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keseluruhan harta peninggalannya itu kepada kedua-dua defendan adalah tidak sah di sisi undang-undang.

F

dan akhirnya di ms. 367:

> In muslin law, a testator has power to dispose of not more than one-third of his estate and the residue descends in fixed-proportions unless the heirs consented.

G (see *Shaikh Abdul Latif v. Shaik Elias Bux*).

> Clause 7 of the Will directs that:
>
> … my trustee are to wind up my said business and to sell call in and convert into case every other property real and personal estate whatsoever situate and to divide the proceeds of such sale calling
> H in and conversion into nine (9) shares …
>
> This provision clearly shows that the deceased attempted to dispose of all his properties by his will. This contravenes his power of disposal exceeding the legal one-third of his properties. It cannot therefore be valid.

I

[25] Setelah mengkaji dan meneliti keseluruhan keterangan dalam kes ini, maka mahkamah merumuskan fakta dalam kes *Ahmad Abd Majeed lwn. Habibah Abdul Majid & Satu Lagi* [2007] 4 CLJ 355 adalah banyak persamaan dan menyerupai kes yang dibicarakan di hadapan mahkamah ini.

[26] Oleh itu mahkamah di sini memutuskan plaintif telah berjaya membuktikan kesnya atas kebarangkalian munasabah atas alasan bahawa Allahyarham Abdul Rahman a/l Sinnathamby @ Hassan ('si mati') cuba melupuskan semua bahagian satu-satunya harta yang beliau ada bertentangan dengan kuasa pelupusan tidak melebihi sepertiga daripada jumlah keseluruhan harta peninggalannya dan lagipun si mati tersebut gagal mendapat persetujuan semua waris yang berhak semasa wasiat dibuat.

Isu Ketiga: Sama Ada Defendan Telah Mendeposkan Fakta-fakta Yang Benar Dalam Permohonan Beliau Untuk Mendapatkan Geran Probet

[27 Pihak defendan mempunyai tiga orang saksi kesemuanya termasuklah Ghori Mohammed bin Abd Majeed Mustaffa (defendan dalam kes ini). Dua daripada saksi tersebut merupakan adik-beradik kepada defendan. Jadi sepertimana yang telah dihujahkan sebelum ini mereka sudah pasti boleh dianggap sebagai bersubahat dan segala keterangan diberikan oleh mereka hendaklah dihalusi dengan penuh berhati-hati.

[28] Berikutnya mahkamah telah mengkaji, meneliti serta menghalusi semua keterangan-keterangan yang telah dideposkan oleh saksi-saksi pembelaan dalam kes ini dan antara rumusan yang dapat dibuat adalah seperti di bawah berikut:

(a) Wasiat hendaklah dibuat secara tepat. Namun begitu perenggan 6 dan 7 wasiat tersebut menzahirkan versi yang amat berbeza.

Perenggan 6 wasiat itu memberikan satu-satunya harta di Geran Mukim No: 3473, Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan kepada Ghori Mohammed bin Abd Majeed Mustaffa (defendan) sepenuhnya sebagai hadiah.

Petikan perenggan 6 wasiat adalah seperti berikut:

> Saya mewasiatkan harta saya yang dikenali sebagai Geran Mukim No: 3473, Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, tempat Jalan Karim/Jalan Brewster, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak, untuk diberikan kepada Ghori Mohammed bin Abd Majeed Mustaffa (No. K/P: 630320-08-6103) sepenuhnya sebagai hadiah kepada persahabatan yang telah terjalin selama ini di antara saya dengan Ghori Mohammed bin Abd Majeed Mustaffa.

Berbeza dengan perenggan 7 wasiat yang menghendaki pembahagian sama-rata harta tersebut antara waris-waris si mati.

Petikan perenggan 7 wasiat adalah seperti berikut:

> Saya dengan ini mewasiatkan serta mengarahkan Wasi dan Pemegang Amanah saya untuk membahagikan keseluruhan harta pusaka saya, sama ada harta alih atau tak alih yang lain di dalam apa jua bentuk dan di mana jua berada **termasuk harta yang saya mungkin mempunyai kuasa pembahagian atau pelupusan secara am melalui wasiat**, setelah ditolak segala pembayaran yang perlu sama ada disebut dengan jelas di perenggan 5 atau tidak, kepada waris-waris saya yang berhak mengikut hukum syarak.

Jadi jelas di sini terdapat percanggahan pernyataan wasiat tersebut sendiri khususnya perkataan yang dihitamkan di atas iaitu "… termasuk harta yang saya mungkin mempunyai kuasa pembahagian atau pelupusan secara am melalui wasiat ..." yang sudah pasti merujuk kepada satu-satunya harta yang si mati perolehi di Geran Mukim No: 3473, Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan.

(b) Satu-satunya pembelaan yang ada pada defendan ialah dengan menegaskan bahawa geran probet tersebut adalah sempurna dan teratur. Mengikut undang-undang nyata apabila sesuatu harta dipindahkan, maka pengemukaan sijil kematian berserta dengan geran probet adalah satu kemestian (mandatori).

Namun dalam hal ini defendan gagal mengemukakan sijil kematian si mati yang merupakan dokumen utama.

Dakwaan defendan bahawasanya beliau tidak mempunyai sijil kematian si mati adalah sesuatu yang langsung tidak boleh dipercayai.

Dalam keadaan sedemikian keseluruhan keterangan defendan (DW1) hendaklah diawasi kepercayaannya dan haruslah diketepikan sahaja.

(c) Lagipun defendan ini ada hubungan persaudaraan dengan plaintif melalui perkahwinan dan sudah pasti beliau mempunyai pengetahuan hubungan plaintif dengan si mati.

Namun begitu dalam permohonan mendapatkan geran probet defendan dengan sengaja menzahirkan bahawa si mati tidak mempunyai sesiapa sebagai waris dan ini jelas membuktikan pembohongan yang nyata.

Dalam permohonan mendapatkan geran probet juga khususnya di perenggan 7 didapati defendan menyatakan beliau hanya dengar kematian si mati pada tahun 2014 padahal kematian berlaku pada tahun 2007. Mana mungkin fakta ini dipercayai mahkamah kerana defendan sendiri mendakwa beliau adalah rakan perniagaan dan mempunyai

perhubungan persaudaraan dengan si mati tidak tahu menahu langsung tentang kematian tersebut. Apa yang boleh dirumuskan di sini defendan adalah seorang yang pembohong dan penipu.

Didapati juga permohonan mendapatkan geran probet ini dibuat di Malaysia dan harta yang terlibat juga berada di negara ini tetapi defendan mendakwa si mati tiada saudara-mara atau sesiapa pun dan meninggal dunia berseorangan. Jelas mahkamah dapati keterangan sebegini adalah tidak berasas dan tidak boleh dipercayai dan sudah pasti defendan di sini tidak berkata benar.

Defendan memang berbohong di sini apabila menyangkakan afidavit sokongan mendapatkan geran probet dibuat di Germany kerana ia jelas menunjukkan disediakan oleh peguam di Malaysia. Jadi dirumuskan permohonan mendapatkan probate ini adalah satu yang tersalah arah dan tersalah dikemukakan.

(d) Hussein (DW2) pula mendakwa wasiat berkenaan ini disediakan oleh si mati yang berhutang wang kepada defendan dan atas alasan tersebutlah si mati memberi rumah yang terletak di atas Geran Mukim No: 3473, Lot No: 13137, Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan, kepada defendan. Malangnya mahkamah dapati perkara sebegini tidak pernah dinyatakan di dalam wasiat yang berkenaan.

Defendan pula menyatakan sebaliknya bahawa si mati berhutang kepada warganegara Jerman bernama Uwe Jaeckel. Jadi yang mana satu pernyataan yang betul si mati berhutang kepada defendan ataupun warganegara Jerman Uwe Jaeckel.

Lagipun DW2 menyatakan wasiat tersebut ditulis oleh si mati dalam tulisan tangan dan menerangkan kandungannya sebelum beliau menurunkan tandatangannya di atas dokumen tersebut tetapi yang anehnya kenapa transaksi pinjaman tersebut tidak dinyatakan di dalam wasiat tersebut atau sekurang-kurangnya mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan untuk memberi efek kepada pernyataan tersebut.

Berhubung terdapatnya dua versi yang berbeza kandungan wasiat tersebut, maka undang-undang langsung memperuntukkan beban pembuktian haruslah berpindah kepada defendan untuk membuktikan kesahihan wasiat tersebut dan di mana mahkamah di sini merumuskan mereka gagal berbuat sedemikian.

Oleh yang demikian mahkamah memutuskan kedua-dua versi wasiat tersebut oleh defendan hendaklah ditolak atas alasan ia tidak boleh dipercayai.

(e) Seperkara lagi si mati sebagai seorang Islam menghadapi keadaan sebegini sepatutnya hendaklah pergi ke Majlis Agama tetapi malangnya beliau tidak berbuat sedemikian dan lagipun defendan tidak mengemukakan apa-apa bukti pun untuk mengakas kenyataan ini.

Kesimpulan Semua Isu Berbangkit

[29] Menurut Hukum Syarak, apabila si mati meninggal waris, maka orang luar tidak mempunyai apa-apa hak ke atas harta pusaka si mati. Oleh itu dalam kes ini bukan sahaja defendan telah melakukan penipuan tetapi adik-beradik defendan juga telah memberi keterangan palsu yang si mati tidak mempunyai waris yang masih hidup (plaintif) sebagai pewaris kepada hartanah.

[30] Pemalsuan dan penipuan di sini harus dipertanggung kepada defendan. Adalah jelas bahawa defendan sebagai pemohon mendapatkan geran probet di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur sengaja melakukan penipuan semata-mata untuk mengetepikan hak plaintif dan mendapatkan pembahagian yang lebih daripada haknya.

[31] Menurut Hukum Syarak lagi sesuatu wasiat hanya boleh mengagihkan harta peninggalan tidak melebihi sepertiga daripada jumlah keseluruhan harta peninggalan si mati, kecuali jika mendapat persetujuan waris yang berhak semasa wasiat dibuat. Dalam hal keadaan kes ini, surat wasiat yang kononnya dibuat oleh si mati membahagikan kesemua harta peninggalannya kepada defendan adalah tidak sah di sisi undang-undang.

[32] Di sini terdapat perbuatan fraud oleh defendan. Selain itu plaintif tidak tahu menahu tentang permohonan geran probet di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan pemindahan seluruh bahagian harta si mati tersebut telah disembunyikan dari pengetahuannya berakibat, apabila plaintif mendapat tahu mengenainya. Tarikh membuat rayuan telah pun luput. Maka dalam keadaan sedemikian plaintif hanya boleh memohon untuk mengetepikan perintah dan ini telah dilakukan oleh plaintif dengan secepat mungkin. Plaintif tidak mempunyai apa-apa remedi lain untuk dipohon dan dengan itu berhak memohon perisytiharan dan perintah sepertimana di kandungan 1 dan 2 dalam tindakan plaintif berkait kes ini.

[33] Oleh sebab mahkamah ini telah mengisytiharkan geran probet yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 30 April 2014 melalui Petisyen No: 32NcVC-417-04-2014 tidak sah, maka defendan dalam tuntutan balasnya meminta daripada plaintif sejumlah wang RM485,000 yang merupakan pinjaman diambil oleh si mati tersebut daripada Uwe Jackel kononnya dibayar oleh defendan.

[34] Dapatan mahkamah mengenai tuntutan balas defendan ini terhadap plaintif adalah seperti berikut:

(i) Adalah menjadi undang-undang nyata bahawa sesiapa yang plid mesti membuktikan kesnya dan beban pembuktian adalah di atas bahunya. Dalam kes ini oleh sebab defendan yang memplidkannya, maka adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk berbuat sedemikian.

(ii) Malangnya defendan di sini tidak mengemukakan setitik bukti pun untuk mengetengahkan kesnya. Pertamanya tiada pinjaman diberikan oleh defendan kepada plaintif. Pinjaman tersebut kononnya di antara si mati dan warganegara Jerman bernama Uwe Jaeckel. Jadi tiada priviti kontrak antara defendan dan plaintif serta juga defendan dan Uwe Jaeckel.

(iii) Lagipun defendan juga tidak mengemukakan apa-apa dokumen untuk membuktikan fakta ataupun saksi-saksi dipanggil untuk membuktikan kewujudan pinjaman tersebut.

(iv) Defendan juga mendakwa telah membayar sebahagian pinjaman kepada warganegara Jerman itu tetapi anehnya tidak terdapat apa-apa keterangan atau dokumen yang membuktikan sedemikian. Tiada resit bayaran sedemikian diketengahkan.

(v) Satu-satunya dokumen digunakan oleh defendan ialah surat bertarikh 3 Jun 2014 daripada Uwe Jaeckel dialamatkan kepada plaintif. Namun begitu, asal-usul atau kandungan surat tersebut langsung tidak dibuktikan. Lagipun surat tersebut tidak diekshibitkan maka ia jadi kata-dengar sebab pembuatnya tidak dipanggil untuk memberi keterangan kesahihan surat tersebut.

[35] Jadi pada keseluruhannya tuntutan defendan ini adalah semata-mata dakwaan kosong. Oleh itu tuntutan balas defendan ini tidak ada asas kausa tindakan terhadap plaintif dan jelas ia satu penyalahgunaan proses mahkamah dan membazirkan masa mahkamah ini. Oleh itu tuntutan balas defendan di sini ditolak.

Keputusan

[36] Permohonan plaintif sepertimana di kandungan 1 dan 2 dibenarkan dengan kos RM15,000 dan tuntutan balas defendan terhadap plaintif ditolak dengan kos RM5,000.